

**SILA SEMAK SEMASA UCAPAN**



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP  
MENTERI SUMBER ASLI DAN  
KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN INSTITUT  
LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN) DAN  
PERASMIAN BANGUNAN ASRAMA  
FORTRAIN**

**2 APRIL 2026 (KHAMIS)**

**BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN,  
KEPONG, SELANGOR**

Terima kasih saudara/saudari pengacara  
majlis

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam  
Malaysia MADANI

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam satu suasana yang cukup harmoni dan bersejarah ini. Saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atas jemputan saya untuk hadir menyempurnakan Majlis Sambutan 100 Tahun Institut Latihan Perhutanan atau FORTRAIN,

## SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

sekali gus merasmikan Bangunan Asrama FORTRAIN yang baharu.

2. Berdiri di sini, di bawah rimbunan hijau Kepong ini, saya dapat merasakan satu aura yang sangat istimewa. Hari ini bukan sekadar majlis perasmian bangunan batu dan simen, tetapi ia adalah satu keraian bagi menghargai sebuah perjalanan panjang selama satu abad dalam memartabatkan khazanah alam negara kita.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

**SATU ABAD FORTRAIN: MENYUSURI  
JEJAK RIMBAWAN**

3. Majlis pada hari ini amat bermakna kerana kita meraikan ulang tahun penubuhan FORTRAIN yang ke-100 tahun. Bayangkan, selama satu abad, institusi ini telah berdiri teguh sebagai pusat kecemerlangan ilmu perhutanan. Sejak dari awal penubuhannya, FORTRAIN bukan sekadar sebuah pusat latihan, tetapi di sinilah lahirnya para pejuang alam sekitar.
  
4. Sehingga ke saat ini, institusi keramat ini telah berjaya melahirkan seramai Enam Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Sembilan orang (6,369 orang) graduan yang terdiri

## SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

daripada skim Renjer Hutan dan Pengawas Hutan. Mereka inilah yang menjadi tulang belakang, menjadi mata dan telinga, serta menjadi benteng hadapan kepada pelbagai agensi dalam memelihara kelestarian hutan negara kita yang tercinta. Tanpa keringat dan dedikasi rimbawan-rimbawan ini, mungkin khazanah hijau yang kita nikmati hari ini tidak akan kekal seperti sekarang.

5. Apa yang lebih membanggakan saya adalah kualiti latihan di FORTRAIN yang tidak pernah statik. Ia sentiasa berevolusi, ditambah baik, dan diperkasakan agar selari dengan tuntutan teknologi perhutanan moden. Kita sedar bahawa cabaran menjaga

## SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

hutan pada tahun 1926 sangat berbeza dengan cabaran pada tahun 2026 ini. Oleh itu, keupayaan FORTRAIN untuk mengimbangi antara ilmu tradisional perhutanan dengan teknologi digital masa kini adalah satu pencapaian yang sangat luar biasa.

6. Ini memastikan graduan yang kita hasilkan bukan sahaja "pakar" di dalam hutan, tetapi juga bijak dalam mengendalikan aplikasi digital perhutanan. Gabungan kemahiran kerja lapangan dan kecekapan teknologi inilah yang akan menjadikan rimbawan kita relevan di persada antarabangsa.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

**KOMPETENSI DAN AMANAH  
PENJAGA KHAZANAH**

7. Pada awal tahun, saya telah menegaskan dengan iltizam yang tinggi bahawa tahun 2026 bukan lagi masa untuk kita hanya sekadar duduk berbincang atau merencana di atas kertas. Tahun ini adalah Tahun Pelaksanaan dan Pecutan bagi setiap agenda yang telah kita gariskan bersama.
  
8. Oleh itu, saya ingin berpesan kepada para pelatih FORTRAIN serta semua hadirin yang ada di hadapan saya ini: Saudara dan saudari adalah ejen pelaksana dan penggerak utama kepada

## SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

hasrat murni ini. Janganlah saudara menganggap latihan intensif yang diterima di sini hanya sebagai satu tiket untuk mendapatkan pekerjaan di sektor awam semata-mata. Sebaliknya, lihatlah ia sebagai satu kunci utama untuk meneroka ufuk yang lebih luas.

9. Ilmu perhutanan hari ini membuka pintu kepada sektor swasta, agensi alam sekitar, industri ekopelancongan, sehinggalah kepada penyelidikan dan keusahawanan hijau. Di bawah payung ekonomi hijau yang sedang rancak kita bangunkan, kemahiran yang saudara miliki adalah aset negara yang mempunyai nilai strategik yang sangat tinggi. Saudara adalah pemegang amanah bagi memastikan pembangunan

lestari bukan sekadar slogan, tetapi satu realiti.

Tuan, dan Puan sekalian,

**AGENDA 2026: TEKNOLOGI DAN  
KEBIJAKSANAAN MANUSIA**

10. Seajar dengan aspirasi YAB Perdana Menteri untuk melonjakkan kecekapan tadbir urus melalui teknologi maju, saya menyeru agar warga perhutanan terus berinovasi. Kita perlu menguasai teknologi seperti Kepintaran Buatan (AI), Sistem Maklumat Geografi (GIS), penderiaan jauh, dan penggunaan dron dalam pemantauan hutan.

11. Namun, di tengah-tengah kehebatan teknologi ini, saya ingin menitipkan satu pesanan ikhlas: *Teknologi secanggih mana pun tidak akan mempunyai makna tanpa kebijaksanaan manusia yang mengendalikannya.* Dron mungkin boleh terbang tinggi memantau dari udara, tetapi saudara dan saudarilah yang mempunyai naluri (instinct) untuk merancang serta bertindak dengan bijaksana di lapangan.
  
12. Gabungan antara teknologi pintar dan ketajaman pemikiran manusia adalah benteng pertahanan negara yang sebenar. Sinergi inilah yang akan melahirkan kakitangan perhutanan yang berintegriti tinggi, berani membuat

keputusan tepat dan sentiasa memikirkan masa hadapan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**FASILITI BAHARU: MENYUNTIK SEMANGAT KECEMERLANGAN**

13. Menyentuh mengenai aspek kebajikan dan pembangunan prasarana, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Ekonomi. Melalui kelulusan peruntukan sebanyak Dua Puluh Perpuluhan Lapan Juta Ringgit (RM20.8 juta) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, kita telah berjaya membangunkan dua buah bangunan asrama FORTRAIN yang baharu.

## SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

14. Fasiliti ini bukan sekadar bangunan tambahan. Ia menyediakan 98 bilik yang mampu menempatkan seramai 196 orang pelatih pada satu-satu masa. Saya amat percaya bahawa penyediaan kemudahan yang selesa dan kondusif adalah elemen yang sangat penting dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang produktif.
  
15. Apabila pelatih mempunyai tempat tinggal yang baik, ia akan menyuntik inspirasi serta semangat untuk belajar dengan lebih tekun. Kita mahu setiap pelatih yang menuntut di FORTRAIN ini berasa bangga dan dihargai, sekali gus membentuk sahsiah diri yang positif dan holistik sebelum mereka melangkah keluar ke dunia pekerjaan yang sebenar.

Hadirin yang saya hormati,

**PENUTUP**

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya berkongsi sekali lagi pesanan daripada YAB Perdana Menteri yang sangat menyentuh hati saya: *"Gunakanlah kuasa dan amanah yang ada untuk melakukan islah atau pembaikan"*.
  
17. Pesanan ini bukan sekadar kata-kata biasa. Ia adalah satu tanggungjawab moral yang harus kita pegang teguh. Sebagai rimbawan, amanah saudara dan saudari adalah untuk memastikan bumi ini tetap hijau untuk anak cucu kita.

## SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

18. Ingatlah, belajar tanpa usaha umpama mendayung tanpa arah. Meneroka tanpa matlamat, hanya akan membuatkan kita bermimpi tanpa sedar, dan akhirnya kita tidak akan sampai ke mana-mana. Oleh itu, wahai para pelatih sekalian, terokailah setiap peluang yang ada. Lipat gandakan usaha saudara untuk berdiri tegak sebagai seorang rimbawan yang berjaya dan bemarkuah.
  
19. Saya penuh yakin bahawa dengan sokongan yang berterusan, FORTRAIN akan terus maju dan kekal relevan untuk 100 tahun lagi.

**SILA SEMAK SEMASA UCAPAN**

20. Dengan rasa rendah diri dan penuh kesyukuran, saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan 100 Tahun Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) dan merasmikan Bangunan Asrama FORTRAIN, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.